



# SIARAN MEDIA

## KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 31/2024

### YB TIMBALAN MENTERI BELIA DAN SUKAN MENYEMPURNAKAN MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI BELIA NEGARA PERINGKAT NEGERI KEDAH TAHUN 2024

1. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli bin Abd Halim telah menyempurnakan Majlis Perasmian Sambutan Hari Belia Negara (HBN) Peringkat Negeri Kedah Tahun 2024 bertempat di Kompleks Belia dan Sukan Negeri Kedah, Alor Setar hari ini.
2. Majlis ini turut dihadiri oleh Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan & Kos Sara Hidup, Belia dan Sukan Negeri Kedah, YB Tuan Haji Muhamad Radhi bin Haji Mat Din, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan (KBS), YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu serta Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), YBrs. Tuan Mohd Azhari bin Mohammad.
3. Turut hadir, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kedah, YBrs. Puan Noor Azma binti Deris dan Presiden Majlis Belia Negeri Kedah, saudara Mohd Amir Murshidi bin Dato' Haji Samsudin.
4. Penganjuran majlis ini merupakan sebahagian daripada sambutan HBN yang disambut setiap tahun pada 15 Mei dengan objektif berikut:
  - 4.1 memberikan penghargaan dan pengiktirafan khusus Kerajaan buat golongan belia Malaysia yang turut memainkan peranan signifikan di dalam pembangunan negara;
  - 4.2 memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara dalam kalangan golongan belia di samping memperkukuhkan perpaduan dan integrasi

nasional menerusi penganjuran program dan aktiviti khusus buat belia dan anak muda; dan

- 4.3 menyediakan platform strategik bagi golongan belia berkumpul dan berkongsi aspirasi demi pembangunan modal insan seterusnya menyumbang bakti buat Malaysia.
5. Seterusnya, YB Adam Adli bin Abd Halim turut menyempurnakan penyampaian Anugerah Perdana Belia Negara (APBN) Peringkat Negeri Kedah Tahun 2024. APBN yang diperkenalkan sejak tahun 1988 ini mempertandingkan tiga (3) kategori utama di peringkat negeri Perlis iaitu Individu Lelaki, Individu Wanita dan Pertubuhan Belia. Senarai penerima anugerah seperti di **LAMPIRAN A**.
6. Mengangkat tema “Yakin Boleh”, penganjuran program dan aktiviti berfokuskan 10 Gaya Hidup Rakan Muda bermula 30 Mei hingga 1 Jun 2024 antaranya Kembara Jumpa Orang Muda (Kembara JOM), Bacaan Ikrar Belia Malaysia, aktiviti sukan dan rekreasi, persembahan seni dan kebudayaan, pameran jabatan/ agensi kerajaan, swasta dan NGO dan banyak lagi.
7. Penganjuran sambutan HBN ini diyakini dapat memperkukuhkan potensi modal insan belia sebagai pemacu pembangunan strategik negara dan memperluaskan akses belia kepada inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan seiring dengan kerangka Malaysia MADANI dan Model Pembangunan Belia MADANI 2030 (MPBM 2030).
8. Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berhubung penganjuran HBN, sila hubungi JBSN melalui talian 03-8871 3290 atau e-mel [jbsn@kbs.gov.my](mailto:jbsn@kbs.gov.my).

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN  
1 Jun 2024**

**SENARAI PEMENANG ANUGERAH PERDANA BELIA NEGARA  
PERINGKAT NEGERI KEDAH TAHUN 2024**

<b>BIL</b>	<b>PEMENANG</b>	<b>DAERAH/ ORGANISASI</b>	<b>CATATAN</b>
<b>KATEGORI INDIVIDU LELAKI</b>			
1.	MUHAMMAD HASRULLAH BIN MD HASMI	BALING	<b>JOHAN KATEGORI INDIVIDU LELAKI</b> RM3,000 + MOCK CHEQUE + TROFI + SIJIL
2.	MUHAMMAD ASYRAF BIN ANOR	KOTA SETAR	<b>NAIB JOHAN KATEGORI INDIVIDU LELAKI</b> RM1,500 + MOCK CHEQUE + TROFI + SIJIL
3.	MUHAMMAD ARIFF BIN BADRUDIN	KUBANG PASU	<b>TEMPAT KETIGA KATEGORI INDIVIDU LELAKI</b> RM500 + MOCK CHEQUE + TROFI + SIJIL
<b>KATEGORI INDIVIDU WANITA</b>			
4.	NURUL UMMI BINTI MUHAMMAD RAZAK	KUALA MUDA	<b>JOHAN KATEGORI INDIVIDU WANITA</b> RM3,000 + MOCK CHEQUE + TROFI + + SIJIL
5.	NUR AFIQAH BINTI MAHMUD	BALING	<b>NAIB JOHAN KATEGORI INDIVIDU WANITA</b> RM1,500 + MOCK CHEQUE + TROFI + SIJIL
6.	NAZATUL NAJIHAH BINTI ANI	KOTA SETAR	<b>TEMPAT KETIGA KATEGORI INDIVIDU WANITA</b> RM500 + MOCK CHEQUE + TROFI + SIJIL
<b>KATEGORI PERTUBUHAN BELIA</b>			
7.	MAJLIS BELIA DAERAH KOTA SETAR	KOTA SETAR	<b>JOHAN KATEGORI PERTUBUHAN BELIA</b> RM10,000 + MOCK CHEQUE + TROFI + SIJIL
8.	JUNIOR CHAMBER INTERNATIONAL SUNGAI PETANI	KUALA MUDA	<b>NAIB JOHAN KATEGORI PERTUBUHAN BELIA</b> RM5,000 + MOCK CHEQUE + TROFI + SIJIL
9.	ANGKATAN BELIA ISLAM MALAYSIA (ABIM) DAERAH KUALA MUDA	KUALA MUDA	<b>TEMPAT KETIGA KATEGORI PERTUBUHAN BELIA</b> RM3,000 + MOCK CHEQUE + TROFI + SIJIL